

PERANAN MUSLIMAT DALAM MENJADIKAN MASJID SEBAGAI PUSAT KHIDMAT SOSIAL

Nazneen binti Ismail¹, Sahlawati Abu Bakar,¹ Khairunnisa Ismail,¹ &
Norul Huda Bakar²

¹Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

²Faculty of Syariah & Jurisprudence, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Nazneen binti Ismail. Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: nazneen@kuis.edu.my.

Abstrak

Masjid merupakan pusat kerohanian dan sosial bagi umat Islam sejak dari zaman Rasulullah SAW. Walaupun masjid umumnya ditadbir urus oleh kaum lelaki, ini tidak menafikan sumbangan muslimat dalam mengimarahkan masjid. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan muslimat dalam menjadikan masjid sebagai pusat khidmat sosial. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Sebanyak tiga buah masjid dan tiga buah surau dari lokasi yang berhampiran telah ditentukan sebagai sampel kajian. Informan kajian terdiri daripada ahli jawatankuasa muslimat masjid yang masih aktif dan dalam lantikan. Kajian ini menggunakan instrumen protokol temubual perbincangan kumpulan terfokus (*focus group discussion*). Data perbincangan ditranskrip dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dengan perisian Atlas.ti Hasil kajian menunjukkan muslimat juga berperanan dalam pengimarahkan masjid khususnya daripada aspek khidmat sosial. Khidmat sosial yang dijalankan bertujuan membantu ahli kariah yang menghadapi masalah sosial, ekonomi, kesihatan dan lain-lain di samping mengekalkan kesejahteraan muslimat setempat. Antara aktiviti yang dijalankan ialah jualan amal, program anak angkat, bantuan kewangan kepada pesakit kronik, aktiviti rekreasi, ziarah amal, pengurusan hibah serta kerjasama dengan badan bukan kerajaan. Sumbangan muslimat masjid menerusi aktiviti khidmat sosial ini menguntungkan ahli kariah secara keseluruhan, menguatkan ikatan sosial dan membina lingkungan yang harmoni sesama komuniti masjid. Ini menunjukkan para muslimat juga berpotensi untuk memperkasakan diri mereka sendiri dan kaum wanita amnya melalui penglibatan dalam program di luar lingkungan masjid. Oleh itu, anggota masyarakat dan pengurusan masjid perlu memberi sokongan dan memperakui sumbangan muslimat dalam pengimarahkan masjid khususnya bagi hal ehwal berkaitan muslimat.

Kata kunci: Pengimarahkan masjid, sumbangan muslimat, pusat khidmat sosial, kebajikan masyarakat, peranan masjid

(THE ROLE OF MUSLIM WOMEN IN MAKING THE MOSQUE A CENTER FOR SOCIAL SERVICES)

Abstract

The mosque has been a spiritual and social centre for the Muslim community since the time of Prophet Muhammad (PBUH). Although mosques are generally managed by men, this does not negate the contributions of Muslim women (Muslimat) in enriching the mosque environment. This study aims to analyze the role of Muslim women in making the mosque a hub for social services. The study adopts a qualitative approach with a case study design. Three mosques and three small prayer halls (surau) from nearby locations were selected as the study samples. Study participants consist of active Muslim women committee members appointed. The study employs a focused group discussion protocol as the interview instrument. Data is transcribed and analyzed using the thematic analysis method with the Atlas.ti software. The study findings indicate that women also play a role in mosque enlivening (imarah), particularly in the realm of social services. The social services carried out aim to assist community members facing social, economic, health, and other issues, while also maintaining the well-being of women in the community. Activities undertaken include charitable sales, foster care programs, financial aid for chronic patients, recreational activities, charitable visits, grant (hibah) management, and collaborations with non-governmental organizations. The contributions of Muslim women through these social service activities benefit the overall community, strengthen social ties, and foster a harmonious environment within the mosque community. This illustrates that Muslim women also possess the potential to empower themselves and Muslim women in general through involvement in programs beyond the mosque environment. Therefore, both the community members and mosque administration should provide support and acknowledge the contributions of Muslimat in mosque enlivening, particularly concerning matters related to Muslim women.

Keywords: Mosque imarah (enlivening), Muslim women's role, social service centre, society welfare, mosque role

Received: Oct 26, 2023

Accepted: Dec 11, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

1. Pendahuluan

Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مِنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا
اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta (tetap) melaksanakan salat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada apa pun) kecuali kepada Allah. Maka mudah-mudahan mereka termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk.

Mengimarahkan atau memakmurkan masjid dari segi bahasa bermaksud melazimi masjid, mendirikan dan beribadah di dalamnya di samping membina dan memeliharanya. Dari segi luaran, memakmurkan masjid ini bermaksud membersihkan, memperindahkan dan menerangi masjid serta masuk dan duduk di dalamnya manakala dari segi maknawi, masjid diimarahkan melalui solat, zikir, iktikaf dan menziarahi masjid untuk beribadah di dalamnya termasuklah mempelajari ilmu. Tujuan pengimarahkan ini tidak lain tidak bukan untuk memuliakan masjid dan memeliharanya daripada sebarang percakapan tentang dunia dan kecintaan terhadapnya. Dalam ayat di atas, ciri-ciri orang yang berhak mengimarahkan masjid ialah mereka yang beriman kepada Allah SWT dengan sebenarnya, mengakui keEsaan-Nya, mengkhususkan ibadah kepada-Nya, bertawakkal kepada-Nya, beriman dengan hari akhirat sebagai hari amal dihisab dan dibalas sama ada baik atau buruk, mendirikan solat fardu dengan menyempurnakan rukun dan syaratnya, mentadabbur al-Quran, tunduk hati kepada Allah SWT dan takut kepada-Nya, memberikan zakat kepada yang berhak, mempunyai hati yang hanya takut kepada Allah SWT semata-mata. Mereka yang mempunyai kriteria ini tidak sahaja mengimarahkan masjid dari segi luaran tetapi juga dari segi maknawi. Mereka sentiasa mengharap petunjuk dari Allah SWT supaya sentiasa melakukan kebaikan dan mengerjakan perkara yang dicintai lagi diredai-Nya (al-Zuhaili, 1997).

Ini menunjukkan bahawa pengimarahkan masjid termasuk dalam ibadah bagi umat Islam malah menjadi bukti ketulusan iman dan kesungguhan mereka dalam merealisasikan peranan masjid sebagai sumber kebaikan bagi komuniti setempat seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Unikinya, pengimarahkan masjid dalam Islam tidak tertumpu kepada pengagungan masjid semata-mata dari aspek rupa bentuk luarannya tetapi lebih utama lagi adalah bagaimana ia berperanan dalam menyuburkan kerohanian umat Islam secara keseluruhan . Maka, tidak hairanlah apabila masjid tidak dikaji sebagai sebuah bangunan semata-mata (Mohd Zain et al, 2014; Ros Mahwati et al, 2018; Nur Syaffiqah, 2021; M. Surat et al. 2011; Basri, 2002) tetapi ia dilihat sebagai sebuah institusi bagi menggambarkan besarnya impak masjid dalam masyarakat Nor Azlina et al, 2016; Mariam & Marlon, 2016; Siti Dalila et al, 2018; Ezad Azrai et al, 2011; Muhammad Yusuf et al, 2017, Mohd Ismail et al, 2017).

Sepanjang sejarah, kepentingan institusi masjid telah ditunjukkan bermula dari zaman Rasulullah SAW di mana masjid telah berfungsi sebagai tempat beribadah, bermesyuarat, mahkamah, menjalankan aktiviti perniagaan serta tempat untuk mendapatkan ilmu. Ini ditunjukkan dengan kewujudan institusi-institusi yang berhubung dengan masjid seperti suffah lelaki (institusi khidmat masyarakat yang menyeluruh), suffah muslimat (badan kebajikan wanita), rumah tetamu, penjara wanita serta institusi khidmat kesihatan (Jasim, 2003). Amalan ini diteruskan oleh para sahabat dan generasi selepas mereka sehingga ke hari ini. Malah, pada hari ini fungsi masjid terus dikembangkan dan

dipelbagaikan dengan mengekalkan tatacara dan adab berkaitan masjid. Antara bentuk pembaharuan yang dilakukan dalam memaksimumkan peranan masjid ialah sebagai pusat kebajikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat (ICT), pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak, nadi ekonomi masyarakat setempat, pusat penginapan pelancong Islam dan mesra terhadap orang kelainan upaya (OKU) serta muafak dan orang bukan Islam. Ini bermakna institusi masjid tidak lagi bersifat terhad tetapi sentiasa bersedia untuk beradaptasi dengan keperluan zaman dan komuniti sekitar (Mariam et al, 2021).

Oleh kerana pengimarahannya institusi masjid perlu kepada keterlibatan masyarakat sekeliling, maka adalah penting untuk memastikan hubungan serta jalinan kemasyarakatan antara pihak pengurusan masjid dengan ahli kariah dipelihara dengan baik. Setiap manusia saling memerlukan atas urusan peribadi dan juga urusan kolektif. Hubungan sosial ini mempunyai kaitannya dengan interaksi sosial dalam pelbagai bentuk meliputi hubungan kerja, hubungan institusi, hubungan aktiviti sosial, kebajikan. Sebagai sebuah institusi kemasyarakatan, masjid perlu menjadikan aspek kesejahteraan dan kebajikan masyarakat perlu dijadikan sebagai salah satu agenda pengimarahannya (Mohd Ridhuan et al., 2020).

Antara faktor yang menyumbang kepada keberkesanan peranan masjid sebagai pusat sosial ialah adanya kerjasama antara pengurusan masjid dengan masyarakat setempat, kerjasama antara masjid dengan agensi luar dan keperibadian pihak pengurusan masjid yang ikhlas serta istiqamah untuk mengimarahkan masjid. Selain itu, masjid juga perlu mengadakan kerjasama dengan surau-surau yang berada di dalam mukim yang sama, kerjasama dengan sekolah-sekolah sekitar khususnya dalam mendekati remaja dengan masjid, kerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO), kerjasama dengan ibu bapa serta peranan jawatankuasa masjid sebagai agen dakwah dan contoh teladan kepada masyarakat setempat (Mohd Ridhuan et al., 2020).

Sehubungan itu, penglibatan muslimat dalam jawatankuasa masjid dilihat sebagai satu usaha murni yang perlu diteruskan dan diperkasakan dari masa ke masa. Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 71:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ
عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan shalat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Ayat ini menjelaskan tentang kesatuan dalam kaum mukminin melalui kerjasama antara pemimpin dan yang dipimpin, antara lelaki dengan wanita yang didasari oleh keimanan kepada Allah SWT. Ikatan persaudaraan yang terhasil daripada kesatuan iktikad ini menjadikan kaum wanita turut serta dalam perjuangan bersama dengan kaum lelaki hatta sehingga ke medan perang sebagai penyedia air minuman dan perawat para mujahidin.

Malah, sebahagiannya turut mengangkat senjata seperti dalam Perang Khaibar dan diberikan harta rampasan perang oleh Rasulullah SAW. Ini membuktikan para wanita juga mengambil bahagian penting dalam menegakkan agama dan tidak dihina oleh kaum lelaki dalam hal berkaitan (HAMKA, 1985).

Berkaitan dengan penglibatan muslimat dalam masjid, mereka juga diberikan ruang untuk bersama-sama mengimarahkan masjid meskipun tidak diwajibkan solat berjemaah di masjid dan solat Jumaat. Hukum ini bukan menunjukkan kekurangan hak pada wanita, tetapi kerana mereka mempunyai tanggungjawab dan peranan yang lebih penting dalam rumahtangga sehingga solat di rumah lebih baik daripada solat di masjid. Sekiranya mereka ingin juga hadir ke masjid kerana tugas di rumah telah diuruskan dengan baik maka mereka tidak dilarang sama sekali. Justeru, ruangan bagi wanita turut disediakan di masjid bagi tujuan ini (HAMKA, 1985). Berdasarkan ini, dapat difahami bahawa hak dan keperluan muslimat tidak dinafikan dalam Islam. Malah, mereka turut diberi ruang untuk menyumbang kepada masyarakat melalui institusi masjid.

Ini kerana seperti lelaki, muslimat juga mempunyai kepada dua bentuk tanggungjawab iaitu tanggungjawab khusus dan tanggungjawab umum. Tanggungjawab khusus berkaitan dengan urusan ibadah dan peribadi manakala tanggungjawab umum berkait dengan dakwah dan keterlibatan dengan amal kebajikan sosial. Kedua-dua ini merupakan tanggungjawab yang dipikul bersama oleh lelaki dan wanita (Abdullah & Abdullah, 2019). Kewujudan muslimat secara kolektif di masjid atas pelbagai tuntutan aktiviti telah mengumpulkan satu semangat yang sama. Mereka terlibat dalam organisasi tertentu bagi tujuan penjagaan komuniti secara bersama yang disebut sebagai khidmat sosial. Khidmat sosial dalam Islam termasuk dalam sebahagian amal soleh yang besar ganjarannya. Amal kebajikan ini memberikan dua manfaat kepada pelakunya iaitu mendapat pahala dan nama baik serta mendapat kepuasan hati kerana dapat membantu orang lain. Khidmat sosial ini digerakkan atas faktor rasa kebersamaan sesama manusia baik dalam masyarakat seagama mahupun berlainan agama. Tiga komponen utama yang terdapat dalam khidmat sosial ialah amar makruf, nahi mungkar dan sumbangan melalui projek sosial dan kemasyarakatan (Mohd Nazim et al., 2019).

2. Aktiviti khidmat sosial muslimat pada zaman Rasulullah SAW

Pada zaman Rasulullah SAW, kewujudan suffah muslimat di Masjid Nabawi telah menjadi tempat perhimpunan sekumpulan muslimat yang berkasih sayang, bersaudara dan bertekad sesama mereka untuk melakukan amal kebajikan yang bermanfaat. Di suffah ini, selain daripada menjadi tempat khusus untuk belajar daripada Rasulullah SAW, ia juga tempat untuk para muslimat mengadakan mesyuarat bagi menjayakan aktiviti mereka. Kumpulan muslimat ini mempunyai wakil yang berbicara bagi pihak mereka antaranya Asma' binti Yazid al-Ansariyyah RA (Jasim, 2003). Para muslimat juga didapati telah secara sukarela memberikan sumbangan dari segi tenaga, harta dan idea. Contohnya, Saidatina Aisyah RA yang banyak bersedekah membantu golongan yang dalam kesusahan, Asma' binti Abu Bakr RA yang menawarkan diri untuk menghantar makanan ketika Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakr RA bersembunyi di Gua Thur, serta al-Rubayya binti Mua'wwaz RA, Nusaibah binti Ka'ab RA, Umm Waraqa binti Abdullah RA dan Ku'aybah binti Sa'ad RA yang

menyahun seruan jihad dengan membantu para pejuang Islam yang tercedera di medan perang (Mohd Nazim et al., 2019).

Selain itu, antara aktiviti yang dilakukan oleh para wanita pada zaman Rasulullah SAW di masjid ialah mengadakan majlis selepas solat Jumaat yang terbuka kepada sesiapa sahaja. Majlis ini dianjurkan oleh seorang wanita yang mempunyai ladang ubi. Setiap Jumaat, beliau akan menyediakan sup sebagai hidangan kepada semua yang hadir (Mohd Nazim et al., 2019). Malah, antara peranan muslimat pada ketika itu ialah menyumbangkan rumahnya sebagai rumah tetamu. Rumah tetamu ini berfungsi untuk digunakan oleh para delegasi ke Madinah. Antara muslimat yang terlibat ialah Ramlah binti al-Harith al-Ansariyyah RA, Umm Shurayk al-Ansaraiyyah RA dan Umm al-Nu'man bin Muqarrin RA. Sumbangan dari aspek kemahiran juga dilakukan oleh para muslimat iaitu Rufaydah binti Ka'ab al-Aslamiyyah yang mempunyai ilmu perubatan. Beliau telah mendirikan khemah berhampiran masjid Nabawi bagi tujuan merawat para pesakit atau tentera yang tercedera semasa peperangan (Jasim, 2003). Selain itu, muslimat juga berperanan untuk menjaga kebersihan dan keindahan masjid. Pada zaman Rasulullah SAW, seorang Muslimat bernama Mihjanah RA dikenali dengan khidmat tersebut. Beliau rajin membersihkan masjid dengan menghilangkan debu, membuang dahan dan perca-perca kain serta menyapu kotoran dalam masjid (Jasim, 2003).

Seterusnya, aktiviti khidmat sosial yang dijalankan oleh muslimat di masjid ialah pengurusan jenazah muslimat (Sri Ujjana Putri & Aswar, 2020). Dalam Islam, jenazah muslimat hanya boleh diuruskan oleh muslimat melainkan ahli warisnya yang terhampir seperti suami atau anak lelakinya. Peranan untuk menguruskan jenazah muslimat di masjid dipegang oleh bilal wanita. Sumbangan sebegini didorong oleh sifat sensitif dalam diri para muslimat. Mereka mempunyai pengaruh dalaman yang kuat menyebabkan mereka akan melakukan sesuatu untuk memuaskan jiwanya. Muslimat juga lebih mampu berinteraksi dengan anak-anak yatim dan ibu tunggal kerana memiliki perasaan yang halus, kemampuan untuk mempengaruhi dan meyakinkan orang lain serta membangkitkan perasaan (Jasim, 2003).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu entiti iaitu muslimat masjid. Bagi kajian ini, beberapa masjid dan surau dipilih sebagai sampel kajian mewakili beberapa kes bagi memahami peranan jawatankuasa muslimat dalam menjadikan masjid sebagai pusat khidmat sosial. Lokasi masjid yang dipilih adalah yang berada dalam DUN Bangi. Penentuan lokasi dilakukan atas dua faktor utama iaitu kos dan kemudahan. Pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan dengan tertumpu kepada wakil biro muslimat bagi setiap masjid yang terlibat untuk mendapatkan maklum balas berkaitan persoalan kajian. Berdasarkan kaedah pensampelan dan faktor lokasi, beberapa buah masjid dan surau telah dikenal pasti iaitu Surau A, Surau B, Surau C, Masjid A, Masjid B dan Masjid C. Bagi pengumpulan data, instrumen protokol temubual melalui kaedah perbincangan kumpulan terfokus (*focus group discussion*) telah digunakan. Informan kajian yang terlibat terdiri daripada jawatankuasa muslimat yang sedang dalam tempoh lantikan. Data perbincangan kemudiannya ditranskrip

dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dengan perisian *Atlas.ti*. Analisis bertema merupakan kaedah untuk meneliti perspektif peserta kajian berbeza dalam mengenal pasti tema dan kaitan pola-pola dalam sebuah fenomena melalui perbandingan antara persamaan dan perbezaan (Heriyanto, 2018).

4. Dapatan dan perbincangan kajian

Berdasarkan hasil perbincangan yang dilakukan dengan jawatankuasa muslimat daripada masjid dan surau sekitar DUN Bangi, didapati mereka mengambil berat isu kebajikan dan kesejahteraan masyarakat setempat. Mereka telah merangka dan menjalankan aktiviti-aktiviti secara bersasar dan melibatkan muslimat setempat secara sukarela. Ini termasuklah dengan memberi sumbangan kewangan kepada ibu yang melahirkan anak, ibu tunggal, anak yatim, mualaf serta muslimat yang ditimpa musibah seperti sakit, kematian suami, kemalangan dan banjir. Malah, semasa fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jawatankuasa muslimat masjid juga terlibat aktif dalam menyediakan pek makanan bagi pesakit COVID-19.

Selain itu, terdapat juga sumbangan yang diberikan dalam bentuk saguhati seperti duit raya untuk anak-anak yatim, meraikan jemaah haji dan umrah, menghargai kejayaan anak yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan serta yang berjaya melanjutkan pengajian ke universiti. Pihak masjid juga menyediakan kelengkapan yang diperlukan oleh masyarakat seperti kerusi roda. Perkara ini diperincikan dalam jadual 1.

Jadual 1: Aktiviti kebajikan bersasar

Aktiviti	Huraian	Informan
Program anak angkat	Di samping itu, kita ada program anak angkat masjid kita ada seramai 30 orang anak angkat masjid. Anak kat masjid itu daripada anak-anak ibu tunggal ataupun anak yatim sekitar kariahlah. Kita bagi tiap-tiap bulan dalam RM100	Masjid A
Penyaluran sumbangan atas sebab-sebab tertentu	Setiap tahun kita ada program untuk muslimat, kita ziarah yang mana sakit. Sakit kita dah buat spesifikasi, sakit yang kritikal. Kalau sakit yang kritikal kita akan pergi ziarah antara mana-mana biro ataupun kita biasa akan war-warkan dalam <i>group</i> dan siapa yang <i>free</i> kita tetapkan masa pergi.	Surau A
	Muslimat yang tiba-tiba kematian suami, dan sebagainya kita akan masukkan, ibu tunggal yang kita tengok tiba-tiba perlukan. Kita beri setahun sekali, <i>one off</i> setiap hari raya. Yang baru ini kami bagi satu ibu tunggal RM200.	Surau A
	Cuma duit raya memang kami beri satu anak yatim kategori anak yatim kami akan beri dalam RM30 ke RM50 daripada tabung induk.	Surau A

	Bersalin, sakit, masuk wad, kemalangan, pergi haji, kematian, apa-apa sahajalah. Kalau diperlukan kerusi roda saya akan hantar kerusi roda	Masjid A
	Berkaitan dengan muslimat yang ibu tunggal ke apa biasanya wakil muslimatlah yang akan pergi tapi kalau keseluruhan keluarga bencana contohnya banjir area kariah Bangi.	Masjid C
	Kalau ziarah yang ada kemalangan ke apa memang kita ada sekali bagi bantuan.	Masjid C
	Anak-anak yang sakit kita pergi ziarah. Macam yang lama tak datang kuliah kita ziarah juga. Yang kita ziarah ini kita bagi sumbangan juga sebanyak RM100. Yang nak pergi haji atau umrah pun kita ada bagi sumbangan.	Surau C
	Ziarah jiran sakit kita beli buah tangan dan kita beri bantuan. Bantuan ahli kariah yang susah dan ibu tunggal, kita beri bantuan kewangan. Pendidikan untuk anak-anak yang melanjutkan pengajian ke IPTA dan juga untuk anak cemerlang. Sumbangan makanan kepada keluarga yang mengalami kematian, berikan kepada keluarga berkenaan. Ada yang bukan ahli khairat. Lebih kurang RM1000, kita tampung. Duit raya untuk anak yatim dan sumbangan pek makanan bagi pesakit covid masa PKP dan pek makanan iftar semasa bulan Ramadhan	Surau B
Bantuan untuk mualaf	Seorang muslimat ini yang kritikal, seorang mualaf daripada Sabah. Baru akan dibawa ke dalam AJK induk, macam mana, nak bagi lebih ke tabung dia sebab dia perlukan sewa rumah dan sebagainya, macam itu.	Surau A

Sumber: Perbincangan kumpulan terfokus (2023)

Bantuan dari segi kewangan ini termasuk dalam faktor kesejahteraan insan kerana kesejahteraan bagi seorang manusia boleh dicapai dengan apabila keperluan rohani dan jasmaninya dipenuhi. Kajian Dahliana (2020) mendapati bahawa hakikat kesejahteraan bagi sebuah masyarakat ialah bebas daripada kekufuran, kemiskinan, kebodohan dan ketakutan di samping melakukan amal soleh yang merupakan hasil daripada keimanan yang kukuh. Maka, antara saluran untuk mengecapi kesejahteraan hidup ini ialah dengan terlibat secara harmoni dalam masyarakat. Rasa kesunyian, keseorangan atau dipinggirkan boleh menyebabkan seseorang merasa tersiksa kerana mengalami tekanan emosi.

Oleh itu, selain daripada sumbangan berbentuk material, jawatankuasa muslimat juga mengambil berat terhadap aspek psikologi muslimat setempat dengan tindakan proaktif mereka melalui aktiviti ziarah bertanya khabar dan memberi sumbangan sebaik sahaja mendapat maklumat berkaitan muslimat serta ahli keluarga mereka yang ditimpa masalah. Tidak terkecuali juga jawatankuasa muslimat akan menziarahi ahli kariah yang didapati tidak menghadiri kuliah bagi satu-satu tempoh masa. Tindakan ini adalah berdasarkan kepada keprihatinan jawatankuasa muslimat terhadap kesejahteraan muslimat setempat. Sikap begini penting kerana ia menyumbang kepada persepsi baik masyarakat terhadap jawatankuasa masjid seterusnya memudahkan hubungan baik terjalin di antara kedua-dua pihak.

Seterusnya, jawatankuasa muslimat juga didapati tidak hanya tertumpu kepada aspek kebajikan golongan yang memerlukan bantuan tetapi turut menganjurkan program sosial yang bersifat berkala. Ini bagi memastikan jalinan hubungan antara jawatankuasa muslimat dengan masyarakat sentiasa subur. Antara aktiviti yang dianjurkan ialah gotong-royong dalam ibadah korban dan penyediaan pek kurma serta bubur semasa bulan Ramadan. Aktiviti yang dijalankan setiap tahun ini merupakan acara wajib bagi masjid dan surau-surau sekitar. Selain itu, terdapat juga program berbentuk lawatan ilmu dan mahabbah ke tempat-tempat yang menarik seperti masjid di luar kariah, masjid bersejarah, masjid negara jiran dan pusat berkaitan Islam seperti Nasyrul Quran, Putrajaya. Penyertaan bagi program ini terbuka kepada semua muslimat setempat dengan bayaran yang minimum. Selain daripada memberi pendedahan baru kepada para peserta, ia juga membuka ruang kerjasama antara masjid untuk berkongsi pengalaman berkaitan pengimarah masjid khususnya bagi muslimat.

Antara aktiviti yang menarik juga ialah program bersifat santai sesama muslimat. Aktiviti ini penting bagi mengeratkan silaturahmi dan boleh membantu mereka dalam memelihara kesejahteraan mental. Ini kerana aktiviti santai seperti *rehlah* dan boling ini memberi ruang kepada mereka untuk keluar daripada rutin harian untuk berehat serta melakukan perkara yang disukai. Selain itu, pihak jawatankuasa muslimat juga mengambil berat keperluan masyarakat dengan menganjurkan program seperti pelupusan al-Quran dan pengurusan jenazah. Program yang dianjurkan secara bersama dengan pihak luar memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak dan menjayakan lagi usaha memasyarakatkan masjid juga surau. Perkara ini diperincikan dalam jadual 2.

Jadual 2: Program sosial berkala

Perkara	Huraian	Informan
Aktiviti bersempena hari dan bulan kebesaran Islam	Setahun sekali, korban nanti muslimat terlibat lagi, nak masak-masak.	Masjid B
	Setiap bulan Ramadhan kita ada buat agihan kurma.	Surau C
	Juga pengagihan kurma dan bubur pada bulan Ramadhan.	Surau B
Program lawatan ilmu dan mahabbah	Program lawatan ke Masjid Sendayan dan Masjid Putih. Kita <i>contact</i> masjid dia orang pun bagi taklimat. Kami pergi ke Putrajaya, Nasyrul Quran lepas itu pergi naik <i>cruise</i> . Lepas itu pergi Masjid	Surau C

	Besi, Masjid Putrajaya.	
	Program ziarah masjid. Masjid-masjid yang uniklah. Contoh kita buat rombongan ke Masjid Seribu Selawat Pangkor, Masjid Cina dekat Ipoh, Masjid yang tua kat Kuala Kangsar. masjid yang memang ada sejarah	Surau A
	Kita pernah buat satu program bersama induk juga “Ziarah Masjid di Singapore” selama dua hari satu malam, lima buah masjid kita ziarah di Singapore.	Masjid A
Program santai muslimat	<i>Girls Day Out</i> untuk mengeratkan silaturahmi la. Kita pergi Melaka, Port Dickson, so yang <i>cruise</i> tu memang ada dalam <i>planning</i> tapi waktu COVID langsung terbantut. Kita ada melawat ke Nasyrul Quran.	Surau B
	Pergi <i>outing</i> maknanya rehlah ataupun <i>outing</i> muslimat 2 Julai ini ke <i>homestay</i> di Tanjung Bidara	Surau A
	Minggu ini kami nak pergi bowling.	Surau A
Program pelupusan al-Quran	Kita ada kumpul al-Quran untuk dilupuskan	Masjid A
Program pengurusan jenazah	Saya sendiri pernah jadi pembimbing untuk program pengurusan jenazah yang pelajar universiti buat. Tahun lepas kalau tak silap. Pembimbing dia buat di sini sebab dia kata nak senang dapat peserta.	Surau A
	Sumber: Perbincangan kumpulan terfokus (2023)	

Jawatankuasa muslimat juga didapati melebarkan khidmat mereka dengan menganjurkan program sosial di luar kariah seperti memberi sumbangan kepada para pelajar tahfiz, rumah orang tua, orang asli malah turut terlibat dengan program kebajikan luar negara melalui kerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Perkara ini diperincikan dalam jadual 3.

Jadual 3: Program sosial luar kariah

Aktiviti	Huraian	Informan
Sumbangan kepada pelajar tahfiz	Tahfiz di Pulau Ketam. Dah beberapa kali dah pergi. Sebelum puasa. <i>Chinese Muslim</i> di Pulau Ketam. Kawasan itu semua cina penduduk dia. Budak tahfiz duduk di situ. Lawatan ada bagi kebajikan jugalah kepada pelajar-pelajar.	Masjid B

Sumbangan kepada rumah orang tua	Untuk program khidmat sosial kita ziarah rumah orang tua di Puchong dan di Pekan Kajang pergi ziarah dan membawa sumbangan jugalah.	Surau B
Kerjasama dengan NGO	Ada juga program bersama NGO luar seperti Charitable Association of Cambodian Islamic Graduates (CACIG) ke Cambodia. Program wakaf perigi atau bantuan untuk saudara kita yang susah kat sana, bantuan makanan, pakaian, baju apa ke dan pek iftar.	Surau B
Sumbangan kepada orang asli	Kita kumpul baju-baju terpakai kita hantar ke rumah orang-orang asli kat Hulu Langat.	Masjid A

Sumber: Perbincangan kumpulan terfokus (2023)

Kesemua program dan aktiviti berkait dengan khidmat sosial ini menggunakan dana daripada pelbagai sumber seperti peruntukan dari masjid, tajaan luar, hasil jualan amal dan kutipan tabung muslimat. Selain itu, terdapat juga kutipan yang bersifat sekali sahaja berdasarkan persetujuan dan aktiviti-aktiviti tertentu. Perkara ini dijelaskan dalam jadual 4.

Jadual 4: Program ekonomi

Aktiviti	Huraian	Informan
Program pengurusan harta	Membuat program Hibah Amanah dan mendapat <i>sponsor</i> dari PNB sendiri bantu makanan dan ramai yang datang.	Surau C
Jualan amal	<i>Muslimah Charity Day.</i>	Surau B
Mewujudkan tabung muslimat	Sumber kewangan tabung muslimat	Surau A
	Kita memang ada tabung (muslimat)	Surau C

Sumber: Perbincangan kumpulan terfokus (2023)

Melalui kepelbagaian program dan usaha jawatankuasa masjid, ia menunjukkan kesungguhan mereka dalam mendekati muslimat dengan masjid melalui pendekatan khidmat sosial. Keaktifan dalam menganjurkan program kemasyarakatan menjadi faktor kekuatan institusi masjid selain daripada faktor sosio ekonomi seperti lokasi masjid dan surau, tahap pendidikan pengurus utama, kecukupan dana, kategori masjid dan gaya pengurusan (Hairunnizam et al., T.th). Justeru, bantuan dalam bentuk kewangan yang diberikan oleh pihak masjid kepada masyarakat setempat merupakan salah satu daripada bentuk pembangunan sosial. Ia bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat. Malah, pada zaman Rasulullah SAW lagi masjid telah menjadi tempat berlindung dan memohon bantuan bagi fakir miskin (Ibbrahim, Harun & Mahmood, 2021).

Sebagai institusi sosial yang berperanan dalam menyantuni masyarakat, masjid juga perlu menjadi nadi ekonomi masyarakat. Jawatankuasa muslimat tidak seharusnya memadai dengan sumbangan dan derma tetapi perlu lebih berpandangan jauh untuk menjana pendapatan melalui aktiviti berasaskan keusahawanan dan perniagaan bermula dengan muslimat kariah seterusnya dikembangkan ke luar lingkungan masjid serta kariah. Pendapatan yang stabil ini membolehkan pihak masjid berfungsi sebagai pusat muslimat setempat yang mandiri serta memberi manfaat lebih besar kepada masyarakat (Abd Wahab, Ab Hamid & Che Man, 2016).

Kepelbagaian aktiviti khidmat sosial ini juga boleh dikembangkan dan diberikan ruang kepada komuniti bukan Islam yang berada di sekitar masjid. Ini akan menjadi ruang dakwah kepada mereka untuk mengenali Islam. Penampilan yang baik, sikap ramah jawatankuasa masjid serta keterbukaan untuk menantuni mereka merupakan medium dakwah yang terbaik bagi membuktikan bahawa masjid tidak eksklusif untuk umat Islam sahaja (Mariam & Marlon, 2016).

5. Penutup

Berdasarkan dapatan kajian ini, dirumuskan bahawa jawatankuasa muslimat masjid memainkan peranan tersendiri dalam menjadikan masjid sebagai pusat khidmat sosial. Usaha dilakukan melalui perhatian yang khusus dari segi keperluan kewangan, sokongan psikologi, emosi dan pembangunan ekonomi. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan dilaksanakan dari masa ke masa. Kesungguhan jawatankuasa muslimat dan sumber kewangan yang baik menjadi faktor aktiviti masjid untuk muslimat dapat diaktifkan dan dipelbagaikan. Pengimarah masjid yang berteraskan fungsi sosial ini telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW. Masjid dijadikan pusat sehentian (*one stop centre*) bagi menyalurkan maklumat dan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Ini dibuktikan melalui penyaluran bantuan kepada ahli kariah baik secara sekali gus mahupun berkala. Sasaran meliputi ibu tunggal, anak yatim, mangsa banjir dan kemalangan, muafak dan golongan asnaf. Selain itu, terdapat juga sumbangan berbentuk saguhati seperti kepada bakal jemaah haji, anak-anak cemerlang dan pasangan yang mendapat cahaya mata. Selain itu, muslimat masjid juga menganjurkan aktiviti riadah dan sosial khusus bagi kaum wanita seperti rehlah, ziarah dan sukan selain terlibat secara aktif dalam aktiviti bersempena seperti Maulidur Rasul, bulan Ramadan dan ibadah korban. Antara lain turut terdapat aktiviti dari segi pemerkasaaan ekonomi iaitu jualan amal dan kutipan sumbangan bagi tabung muslimat. Walaubagaimanapun, kajian mendapati aspek penjanaan ekonomi khususnya bagi muslimat masih perlu diperkasakan. Ini bagi menjamin kelangsungan program khidmat sosial bagi masyarakat setempat dengan sumber kewangan yang stabil dan tidak bergantung kepada satu sumber sahaja. Selain itu, jawatankuasa muslimat juga disarankan agar turut memberi perhatian kepada kebajikan komuniti bukan Islam. Ini kerana sebagai komuniti di sesebuah tempat tidak hanya terdiri daripada umat Islam. Keterbukaan pihak masjid untuk menyantuni golongan bukan Islam ini boleh menjadi medan dakwah memperkenalkan Islam yang sebenar kepada mereka. Ia boleh direalisasikan dengan penganjuran aktiviti seperti ziarah dan jamuan, karnival kerjaya, khidmat nasihat kesihatan, pusat bantuan makanan asasi dan seumpamanya.

6. Penghargaan

Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2022. Kod Penyelidikan: (2022/P/GPIK/GPM-02/021).

RUJUKAN

- Abd. Wahab, N.A. Ab. Hamid, N., Che Man, N. (2016). Pemeraksanaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. *e-Academia Journal UiTMT* 5(2), 219-229. <https://e-ajuitmct.uitm.edu.my/v2/images/vol5issue2/CRPID59-PEMERKASAANPERANANMASJID.pdf>
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (1997). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Dimasyq: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Basri, Fairuzah (2002) Seni bina masjid di Malaysia. *Jurnal Tasawwur Islam* 5, 61-69.
- Dahlia Sukmasari. (2020). Konsep kesejahteraan masyarakat dalam perspektif al-Qur'an. *At-Tibyan* 3(1), 1-16. <https://doi.org/10.30631/atb.v3i1.15>
- Ezad Azraai Jamsari, Siti Noorasikin Tumiran dan Kaseh Abu Bakar. (2011). Masjid An-Nahdhah sebagai Harmony Centre (Pusat Islam) di Singapura. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, 507-513.
- Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad dan Sanep Ahmad. (T.th). Masjid dan pembentukan modal sosial: Apakah faktor penentu aktivism masjid? Retrieved from <https://www.ukm.my/hairun/kertas%20kerja/Paper%20peranan%20masjid.pdf> (16 Ogos 2023)
- HAMKA. (1985). *Tafsir Al-Azhar*. Juz 10. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Heriyanto. (2018). Thematic analysis sebagai metode menganalisa data untuk penelitian kualitatif. *ANUVA*, 2(3), 317-324. <https://doi.org/10.14710/anuva.2.3.317-324>
- Ibhraim , M. R. ., Harun, . M. S. ., & Mahmood, A. R. . (2021). Pengimarahen Masjid Berkonsepkan Pembangunan Sosial. *Journal of Muwafaqat*, 4(2), 93–105. Retrieved from <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/93>
- Jasim, L. S. (2003). *Khidmat Masyarakat: Peranan Wanita di Zaman Rasulullah SAW*. Terj. Anwar Fakhri Omar. Pustaka Salam Sdn Bhd.
- M. Surat, M.T.M. Rasdi, A.R Musa, N. Utaberta, M.M. Tahir. (2011). Salah Tanggapan Terhadap Kubah Pada Senibina Masjid: Pengaruh Pengisian Sejarah Dalam Hasrat Rekabentuk Masjid. *Journal of Design + Built* 2(2011), 1-16
- Mariam Abd Majid & Marlon Pontino Guleng. (2016). Masjid dan aplikasi pendekatan dakwah terhadap masyarakat multi etnik di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 8(1), 31-48. <https://core.ac.uk/download/pdf/84306923.pdf>
- Mariam Abd. Majid, Nurulbahiah Awang, Zulkefli Hj Aini, Hajar Opir. (2021). Pelan strategik pengupayaan peranan institusi masjid sebagai pusat tumpuan komuniti. *Jurnal YADIM* 1(2), 21- 37. <https://www.e-jurnal.yadim.com.my/index.php/jurnal-yadim/article/view/59/24>
- Mohd Ismail Mustari, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi, Ajmain@Jimain Safar dan Azhar Muhammad. (2017). Membangun Potensi Masjid Sebagai Sebuah Institusi Pendidikan Islam & Masyarakat. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(2), 2017 46-58
- Mohd Nazim, A., Md Sham, F., & Hamjah, S. H. (2019). Khidmat sosial wanita pada zaman Rasulullah SAW. *Jurnal Al-Hikmah*, 4(2019), 37-49. <http://journalarticle.ukm.my/6755/1/17-68-2-PB.pdf>

- Mohd Ridhuwan Remly, Muhd Najib Abdul Kadir,, Fadlan Othman, Siti Azimah Sabaruddin. (2020). Prinsip sosial dalam pengimarahannya institusi masjid: Kajian di masjid bertaraf cemerlang. *Jurnal Hadhari* 12 (1), 1-15.
<http://journalarticle.ukm.my/15450/1/40627-130008-1-PB.pdf>
- Mohd Zain, Noorzahidah and Rosland, Anitha and Ab Halim, Asyiqin and Abdul Hamid, Faisal @ Ahmad Faisal (2014) *Masjid Besi, Putrajaya: Rekabentuk dan hubungannya dengan senibina Islam*. In: 23rd International Conference of Historians of Asia 2014 (IAHA2014), 23 - 27 August 2014, Alor Setar, Kedah, Malaysia.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mariam Abd Majid & Nursyafiqah Bokhari. (2017). Kepentingan masjid dan peranannya terhadap dakwah Islamiah dalam kalangan muallaf di Malaysia. E-prosiding ISRA 2017. 1-11.
<http://conference.kuis.edu.my/isra/eprosiding/pdf/012-ISRA-2017.pdf>
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man. (2016). Pemerkasaan peranan masjid di Malaysia era kontemporari. *Journal UiTMT* 5(2), 219-229.
- Nur Syaffiqah Ismail (2021) Kajian Tentang Reka Bentuk Seni Bina Masjid Warisan Melayu Dalam Penghasilan Karya Seni Catan. Final Year Project thesis, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Rabiah Abdul Rahman. (2018). Warisan Ketara Seni Islam Tempatan: Mahkota Atap Masjid Tradisional Melaka. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 2(1), 185-196
- Siti Dalila Binti Mohd Sojak, Nor Afizah Binti Bujang dan Ajmain @ Jimaain Bin Safar. (2018). Penerapan nilai Islam dalam membangun 'jiwa' institusi masjid pada era kontemporari. Kertas kerja Seminar UICW 6023, 1-22
- Sri Ujjiana Putri, & Aswar. (2020). Implementasi pendidikan masyarakat berbasis masjid untuk muslimah di Desa Mattoanging Kabupaten Maros. *Wahatul Mujtama': Jurnal Pengabdian Masyarakat*, 1(2), 129-141.
<https://journal.stiba.ac.id/index.php/wahatul/article/view/254>